

19/10/2003

Jauh tapi dekat

Jamudin Idris

SETELAH sebelas bulan pasangan kembar siam - Azami dan Azama Kamarulzaman berjaya dipisahkan di Hospital Kuala Lumpur, kini kanak-kanak itu kelihatan riang, mudah mesra tetapi tidak boleh berpisah lama.

Bapa mereka, Kamarulzaman Mat, 31, berkata jika lama berjauhan, salah seorang akan menangis, kurang sihat dan sugul, tetapi apabila bertemu semula, mereka akan berpelukan dan bergurau senda.

Katanya, sejak selamat menjalani pembedahan di Hospital Kuala Lumpur, pada 23 November tahun lalu, Azama sudah boleh berjalan dan agak lasak tetapi Azami hanya boleh berjalan jika berpegang pada kerusi atau dinding.

"Doktor mengatakan tulang belakang Azami agak bengkok sedikit. Pakar dari Kuala Lumpur mencadangkan kami mendapatkan rawatan lanjutan di Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) Kubang Kerian," katanya ketika ditemui Berita Minggu di rumah mereka di Kampung Padang Luas Dalam, Jertih, Besut, Isnin lalu.

Azami dan Azama yang bercantum usus, hempedu, hati dan sebahagian jantung selamat dipisahkan sepasukan 46 pakar dan jururawat dari seluruh negara dalam operasi selama 19 jam mulai 11.45 pagi pada 23 November lalu.

Pembedahan menggunakan teknik mencipta hempedu melalui saluran hati terhadap Azama, diketuai Pakar Bedah Pediatrik HKL, Dr Zakaria Zahari mencatat sejarah kerana kali pertama dilakukan.

Kejayaan pakar perubatan tempatan itu mendapat pujian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat kanak-kanak itu, Disember tahun lalu.

"Doktor memberikan hempedu kepada Azami (yang kecil) tetapi ternyata yang tiada hempedu (Azama) kelihatan lebih sihat," kata Kamarulzaman yang bersyukur kerana anaknya kelihatan sihat dan ceria.

Kanak-kanak yang mulanya berkongsi hati dan usus kini turut dijaga neneknya, Siti Esah Dollah yang tinggal bersama Kamarulzaman dan isterinya, Zainab Othman, 28.

Azama dan Azami dilahirkan pada 10 April 2002 di Hospital Kota Bharu, Kelantan dan dipindahkan ke Hospital USM Kubang Kerian sebelum dibawa ke HKL.

Kamarulzaman gembira kerana doktor bertindak cepat dengan menjalankan pembedahan pada dua anaknya ketika berusia tujuh bulan. Dia dapat membayangkan kesukaran jika lewat melakukan pembedahan.

Katanya, dia bersyukur kerana kedua-dua anaknya cepat sembuh daripada luka pembedahan dan sekarang kembali ceria seperti kanak-kanak normal lain.

"Azama lebih lasak... jika tidak kawal dia turun dari rumah dan berjalan hampir ke jalan besar. Azami pula agak takut-takut," katanya yang baru dikurniakan anak kelimanya, Khairul Nizam yang baru dilahirkan Zainab, tiga bulan lalu.

Anak sulungnya Khairul Anan, 5, sudah belajar di Tadika di kampung itu manakala anak keduanya Khairul Ikhwan, 3, begitu manja dengan Siti Esah.

Kamarulzaman, seorang pekerja kampung berkata, Azami dan Azama cepat sembuh daripada luka pembedahan, mungkin disebabkan faktor usia mereka yang masih muda.

"Parut mereka masih kelihatan dan Azami agak keberatan untuk membuka bajunya bagi dilihat parutnya," katanya.

Siti Esah berkata, selepas pembedahan, keadaan Azami kurang bermaya dan

keluarga pernah satu ketika membayangkan tiada harapan lagi.

Ini kerana selepas menjalani pembedahan pada November, Azami hanya boleh makan dan minum pada Mac dan sebelum ini bergantung kepada ubat hospital.

Pasangan kembar bukannya asing dalam keluarga itu kerana Siti Esah